

UB 30.04.2012 B2

**HARI KELUARGA:** Kelab Pemasaran, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan hari keluarga kelab berkenaan pada 28 April 2012 bertempat di Pulau Manukan, Kota Kinabalu. Aktiviti yang disertai oleh 100 orang pelajar Tahun Satu, Dua dan Tahun Tiga, Program Pemasaran itu telah menceriakan pelbagai aktiviti permainan dan sukaneka yang turut disertai oleh tiga orang pensyarah iaitu Ketua Program Pemasaran, Charlie Albert Lasuin, Dr. Stephen Sondoh Jr. dan Bamini Balakrishnan. Aktiviti yang bermula seawal jam 9 pagi itu telah mewujudkan suasana harmoni melalui aktiviti yang disediakan. Objektif program adalah untuk mengeratkan semangat setiakawan di antara para pelajar program serta memupuk integrasi antara pelajar Malaysia dengan 10 orang pelajar dari negara China. Kelihatan Charlie (duduk, enam kanan) merakam kenangan bersama dengan pelajar.